

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 10/ 3 / 2008


Kayveas terima kekalahan dengan hati terbuka

Um - 10/3/2008

TAIPING 10 Mac - Parti Progresif Penduduk (PPP) menerima tamparan hebat apabila Taiping, satu-satunya kerusi Parlimen, yang ditandingi Presidennya, Datuk M. Kayveas (**gambar**) dirampas DAP pada Pilihan Raya Umum Ke-12 semalam.

Kayveas yang mempertahankan kerusi tersebut memperoleh 16,800 undi manakala lawannya Ketua Pemuda DAP, Nga Kor Ming mendapat 28,098 undi sekali gus menang dengan majoriti 11,298 undi.

Bagaimanapun, beliau berkata, kekalahan itu adalah kehendak dan keputusan



rakyat dan selaku pemimpin beliau menerima kekalahan itu dengan hati yang terbuka.

"Ini merupakan perubahan mesej rakyat kepada saya dan walaupun tidak menjadi wakil rakyat saya akan terus bekerja keras untuk melaksanakan program yang dirancang di Taiping.

"Saya akan meneruskan karier politik dan perjuangan memimpin PPP kerana saya sayang parti ini," katanya ketika ditemui pemberita selepas diisytiharkan kalah dalam Pilihan Raya Umum Ke-12 di Dewan Majlis Perbandaran Taiping di sini

malam tadi.

Kayveas berkata, kekalahan calon BN bukan sahaja berlaku di Taiping mahupun Perak tetapi di seluruh negara yang menyaksikan ramai calon BN tewas pada pilihan raya umum kali ini.

Justeru, katanya, kekalahan itu perlu dijadikan pengajaran agar semua pemimpin BN bekerja lebih kuat untuk mendapatkan semula keyakinan dan kepercayaan rakyat.

Katanya, Pengerusi BN, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan pemimpin parti komponen perlu menjalankan kajian terperinci bagi mencari punca pembangkang boleh meraih kemenangan besar kali ini.

"BN harus membuat bedah siasat secara menyeluruh mengenai kekalahan ini," katanya.

Sementara itu, Kor Ming berkata, beliau terharu kerana rakyat menyokong calon DAP bagi kerusi Parlimen Taiping, DUN Aulong dan DUN Pokok Assam.

"Ini adalah kali pertama dalam sejarah calon kaum Cina mendapat sokongan kaum Melayu dan India.

"Ini satu perkembangan sihat dalam membentuk bangsa Malaysia," katanya.

Katanya lagi, semua calon yang menang akan berkhidmat kepada masyarakat Taiping dengan sebaiknya dan akan menjadi penghubung antara rakyat dengan pelbagai jabatan.